



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/eP(S) 10/656/6 Jld 4(s.k.6)(4)

21 April 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGECUALIAN PENGGUNAAN SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI
BAYARAN SEWAAN BANGUNAN**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan memutuskan supaya bayaran sewaan bangunan adalah dikecualikan daripada menggunakan sistem eP. Pengecualian ini diberikan kerana urusan sewaan bangunan tidak dibuat melalui sistem eP di mana penetapan kadar sewaan bangunan adalah tertakluk kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta iaitu harga sewaan adalah tetap.
3. Oleh yang demikian, perolehan seperti mana yang dinyatakan di perenggan (2) di atas bolehlah dilaksanakan melalui Sistem Perancangan dan Kawalan Perbelanjaan (eSPKB) dan ia berkuat kuasa serta-merta.
4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia

SULIT